

Berdasarkan situasi di bawah ini, tulis permohonan maaf Yasmin kepada rakan-rakannya. **KBAT** Menilai

Malam itu, ibu Yasmin menerima panggilan telefon daripada datuk Yasmin di kampung yang memaklumkan bahawa ibu saudara Yasmin telah meninggal dunia. Yasmin diminta oleh ibunya supaya bersiap untuk pulang ke kampung pada malam itu. Pada mulanya, Yasmin agak keberatan untuk mengikut ibu dan ayahnya pulang ke kampung kerana dia perlu menjalani latihan bola jaring di sekolahnya esok. Ibu dan ayahnya tidak bersetuju dengan keputusan Yasmin. Bagi mereka, hubungan kekeluargaan amat penting untuk dijaga. Menurut ibunya lagi, rakan-rakan Yasmin pasti faham akan situasi yang dialami oleh Yasmin. Ibunya meminta Yasmin memaklumkan kepada rakan-rakannya tentang hal ini dan memohon maaf daripada mereka. Akhirnya, Yasmin akur akan permintaan ibu dan ayahnya.

Terlebih dahulu, takziah untuk Yasmin sekeluarga. Jangan risau, Yasmin. Kami faham akan situasi Yasmin.

